

Medan Permuafakatan antara universiti

► Delegasi UMS ke Bandung Indonesia

UB 10.5.2018 B2



DARI KAMPUS

Oleh ABD NADDIN
HJ. SHAIDDIN

KOTA KINABALU: Seramai lapan pelajar dan seorang pensyarah pengiring wakil daripada Gerakan Pengguna UMS menyertai Delegasi Keusahawanan dan Kepenggunaan Asia 2018 di Universitas Telkom, Bandung Indonesia, baru-baru ini.

Program itu dilaksanakan selama lima hari dengan misi mewujudkan ikatan perhubungan antara



SESI fotografi bersama wakil delegasi daripada UMS dan Universitas Telkom, Bandung.

dua universiti melalui beberapa siri perkongsian, diskusi, permainan dan persembahan.

Antara pengisian yang dilaksanakan adalah sesi berkenalan dengan mahasiswa Universitas Telkom, Bandung melalui

sesi Ice Breaking, Malam kebudayaan, sukaneka, ceramah, diskusi dan latihan dalam kumpulan.

Objektif utama program ini diadakan adalah untuk mengeratkan hubungan mahasiswa dan organisasi antara kedua-dua buah universiti iaitu Universiti Malaysia Sabah dan Universitas Telkom, Bandung.

Selain itu, perkongsian serta diskusi yang dilaksanakan mewujudkan satu perbincangan yang mampu menjadi titik perubahan pengguna terutamanya mahasiswa mahasiswi dalam isu keusahawanan dan kepenggunaan, serta mampu memberi kesedaran kepada mereka bahawa generasi mudalah yang menjadi titik tolak kepada keharmonian perpaduan dan kemajuan negara pada masa akan datang.

Melalui pengisian yang dijalankan, ia juga mampu mengembangkan keupayaan pemikiran mahasiswa dalam menyelesaikan masalah melalui pemikiran kritis dan kreatif dalam mewujudkan solusi kepada masalah ekonomi masa kini.

Dalam masa yang sama, aktiviti malam kebudayaan yang dilaksanakan memperlihatkan keunikan



MAHASISWA-MAHASISWI Universitas Telkom Bandung bergambar bersama penyelaras GPS UMS Hairul.



LAWATAN ke Perpustakaan Terbuka, Universitas Telkom, Bandung.

dan keistimewaan budaya antarabangsa yang membawa kepada semangat saling menghormati dan menghargai antara dua negara serantau ini.

Program ini turut mempromosikan industri pelancongan di Malaysia khususnya di Sabah itu sendiri dan seterusnya mampu menarik minat pelancong untuk berkunjung ke negeri ini.

Pengaruh program Alisa Putry Al Hassan, program seperti ini mampu

memberi impak yang besar kepada pesertanya dimana perkongsian dan perbincangan antara dua organisasi mampu melahirkan idea-idea yang mampu menjadi solusi kepada masalah-masalah yang timbul pada hari ini.

Timbalan pengurus program Makmur Majid menyatakan program ini amat efektif untuk menjadi medan permuafakatan dan pengeratan hubungan antara mahasiswa dari Malaysia dan Indonesia walaupun berbeza

bangsa dan agama.

Di samping itu, program ini turut mempromosikan keindahan dan keunikan yang ada di Malaysia khususnya di Sabah yang terkenal dengan keindahan alam semulajadinya yang menenangkan jiwa. Dalam masa yang sama, melalui program ini, ia mampu memberi pengalaman baharu kepada peserta untuk merasa dan menikmati keindahan yang terdapat di Kota Bandung dan Indonesia secara umumnya.



KETIBAAN delegasi GPS UMS di Lapangan Terbang Antarabangsa Huein Sastranegara Bandung.